

07/07/1998

## Kegagalan akhlak runtuh institusi keluarga

KUALA LUMPUR, Isnin - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, mengingatkan umat Islam supaya menjaga akhlak dan akidah yang menjadi penentu moral generasi akan datang.

Beliau berkata, kegagalan menjaga akhlak dan akidah boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan serta menggugat kekuatan negara.

"Umat yang kuat dan kukuh adalah disebabkan umat yang memiliki akhlak yang tinggi.

"Saiyidina Aishah (isteri Rasulullah) ketika ditanya sahabat mengenai apakah akhlak Rasulullah, beliau menjawab segala apa yang ditentukan Allah dan digariskan al-Quran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis sambutan Maulidur Rasul 1419 Hijrah, di Pusat Islam, di sini, hari ini. Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Hamid berkata, perkara paling penting dalam memastikan ketinggian akhlak ialah melalui pendidikan, baik daripada kalangan keluarga mahupun sistem pendidikan yang diamalkan sekarang.

"Perkara ini adalah penting kerana setiap anak yang dilahirkan itu adalah aset kepada negara.

"Hakikat ini tidak boleh diabaikan kerana itu pendidikan akhlak mesti dilaksanakan bersungguh-sungguh," katanya.

Sementara itu ketika berucap sebelum perarakan sempena Maulidur Rasul di Dataran Merdeka pada awal pagi, Abdul Hamid berkata akhlak yang tinggi adalah perlu bagi membentuk jati diri yang kukuh.

"Masyarakat hari ini mengalami pelbagai cabaran dan dugaan, akhlak yang tinggi dan kukuh perlu disemai ke dalam diri setiap umat Islam dalam menangani pelbagai bencana yang mendatang," katanya.

Menurutnya, hujan sejak awal pagi hari ini, perlu dianggap sebagai rahmat kerana boleh mencuci segala 'bahana' yang menimpa Malaysia sejak kebelakangan ini.

Abdul Hamid selepas itu mengetuai kira-kira 6,000 peserta daripada 250 pasukan yang menyertai perarakan Maulidur Rasul, bermula dari Dataran Merdeka, melalui Jalan Tangsi dan Jalan Parlimen sebelum menuju Pusat Islam, berhampiran Masjid Negara.

(END)